



PELAN STRATEGIK

**JABATAN PEGUAM BESAR
NEGERI SABAH (SAGC)**

2022 - 2026



PERUTUSAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH

Alhamdulillah, syukur ke Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya dapat kita menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah (SAGC) 2022 - 2026.

Pelan Strategik ini menggariskan lima (5) teras utama yang mengandungi lima belas (15) strategi dan dua puluh sembilan (29) program untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun. SAGC berhasrat untuk menjadi sebuah Organisasi Perundangan Awam Negeri yang memberikan khidmat terbaik demi kepentingan negeri dan negara.

Dalam menghadapi cabaran pandemik, jabatan ini telah mengambil peluang untuk melaksanakan Pelan Strategik Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah (SAGC) bagi tempoh lima (5) tahun untuk tahun 2022 - 2026. Tempoh lima (5) tahun ini akan menyaksikan bagaimana Jabatan ini mencapai objektif-objektif yang telah ditentukan oleh setiap Bahagian.

Asas bagi kejayaan Pelan Strategik SAGC ini adalah komitmen dan kerjasama seluruh warga SAGC yang mempunyai tanggungjawab secara bersama untuk merealisasikan segala perancangan yang telah digariskan dengan jayanya. Saya berharap Pelan Strategik SAGC ini akan dapat menjadi sumber rujukan penting kepada semua anggota jabatan ini untuk membantu memperkasakan SAGC menjadi agensi pentadbiran undang-undang yang dihormati.

Jutaan terima kasih saya ucapkan terutamanya kepada Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik SAGC 2022 - 2026 dan juga kepada semua pihak yang telah berusaha menyumbang dalam membangunkan Pelan Strategik ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK NOR ASIAH BINTI MOHD YUSOF
Peguam Besar Negeri Sabah

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik SAGC tahun 2022 - 2026 dirangka bagi memenuhi Visi Jabatan untuk menjadi “Institusi Perundangan Awam yang Professional dan Berintegriti”. Untuk mencapai visi ini, SAGC telah menetapkan Misi SAGC, iaitu “Memberi Perkhidmatan Perundangan Yang Berkualiti Dengan Cekap Dan Amanah”.

Penentuan Hala Tuju SAGC diselaraskan dengan dasar - dasar awam dan Pelan Pembangunan Inisiatif Sabah Maju Jaya.

Bagi memberikan gambaran berhubung dengan organisasi SAGC, Pelan Strategik ini turut mengandungi latar belakang dan fungsi Jabatan serta isu dan cabaran yang dihadapi.

Lima (5) Teras Utama yang berikut telah digariskan untuk dicapai dalam tempoh lima (5) tahun:

5

T
E
R
A
S

U
T
A
M
A

Mendukung keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang - undang bagi memberikan perkhidmatan perundangan yang berkualiti

Memperkasa pentadbiran keadilan dalam kes - kes Mahkamah

Memperkasa pengurusan dan pembangunan modal insan dan bakat untuk merealisasikan kecemerlangan Jabatan

Pusat Sumber dan Penyelidikan sebagai pusat sumber ilmu bersepadu

Mengaplikasikan perkhidmatan digital bersepadu dengan berpandukan kepada inisiatif Kerajaan Negeri Sabah ke arah Sistem Digital

Bagi menjayakan **5 Teras Utama** tersebut SAGC telah menetapkan **15 Strategi** dan **29 Program**.

LATAR BELAKANG JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH

Tujuan pewujudan SAGC adalah untuk memberi khidmat dan nasihat perundangan kepada Kerajaan Negeri Sabah termasuk Yang di-Pertua Negeri, Ketua Menteri, Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai - pegawai Awam Negeri.

SAGC diketuai oleh Peguam Besar Negeri sebelum Hari Malaysia, jawatan Peguam Besar Negeri (*State Attorney - General*) adalah dikenali sebagai Peguam Negara (*Attorney - General*). Jawatan Peguam Besar telah wujud sejak 15hb Julai 1946 apabila Negeri *North Borneo* diserahkan oleh pemiliknya ketika itu, *British North Borneo Company*, kepada Kerajaan British untuk menjadikannya sebagai *Colony of North Borneo*. Mengikut *North Borneo Letters Patent* 1946 yang menubuhkan Kerajaan *Colony of North Borneo*, Peguam Negara adalah seorang Ahli Ex - Officio Majlis Penasihat (*Advisory Council*) yang bertanggungjawab untuk menasihati *Governor* dalam penjalanan tugas - tugasnya untuk mentadbir *Colony of North Borneo*. Pemegang pertama jawatan Peguam Negara pada masa itu ialah Encik T.D Wallace, K.C.

Pada Hari Malaysia iaitu 16 September 1963, Perlembagaan Negeri Sabah yang ada sehingga kini telah mula berkuatkuasa. Jawatan Peguam Besar Negeri (*State Attorney - General*) ditubuhkan di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Negeri Sabah untuk mengambil alih jawatan Peguam Negara. Pelantikan jawatan Peguam Besar Negeri dibuat oleh Yang di-Pertua Negeri mengikut nasihat YAB Ketua Menteri Sabah selepas YAB Ketua Menteri Sabah berunding dengan Kerajaan Persekutuan.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH (SAGC)

BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
NASIHAT GUAMAN	<p>Nasihat guaman; penyediaan atau semakan Perjanjian dan MOU :</p> <ul style="list-style-type: none">• Kementerian / Jabatan / Agensi• Hal Ehwal Syariah• Hal Ehwal Anak Negeri• Hal Ehwal Penguatkuasaan
LITIGASI	<ul style="list-style-type: none">• Kes - kes Sivil / Syariah / Hal Ehwal Anak Negeri• Saman dan pembelaan• Rayuan• Penguatkuasaan
GUBALAN UNDANG - UNDANG	<ul style="list-style-type: none">• Gubalan undang - undang dan terjemahan• Semakan undang - undang dan terjemahan• Cetakan Semula undang - undang
PENTADBIRAN & KEWANGAN	<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan am• Pengurusan kewangan• Pentadbiran pejabat• Sumber manusia
PUSAT SUMBER & PENYELIDIKAN	<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan koleksi dan sistem maklumat• Pusat rujukan dan penyelidikan undang - undang• Pengemaskinian Undang - Undang Negeri dan Persekutuan• Pengemaskinian indeks• Sabah Lawnet (rujukan undang - undang)
TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (ICT)	<ul style="list-style-type: none">• Pembangunan ICT• Pengurusan perkomputeran• Pengurusan teknikal ICT• Latihan

ISU DAN CABARAN

Isu perundangan yang semakin mencabar

Selari dengan pembangunan pesat di peringkat domestik dan antarabangsa, SAGC perlu peka dalam menangani isu - isu perundangan yang semakin kompleks dan rumit sama ada dalam perkara - perkara yang dirujuk untuk pandangan undang - undang, penggubalan undang - undang atau pun dalam kes - kes Mahkamah yang dikendalikan.

Justeru, Pelan Strategik ini akan menumpukan perhatian kepada penyampaian perkhidmatan perundangan yang berkualiti, cekap, tepat dan komprehensif berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri, undang - undang dan dasar semasa.

Memastikan undang - undang negeri relevan, terkini, dan selari dengan keperluan semasa

Dalam usaha merealisasikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program - program seperti Penetapan Prestasi Utama Kerajaan Negeri Sabah yang memastikan Negeri Sabah maju dalam bidang - bidang yang sedia ada. Pelaksanaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya tersebut hendaklah seiring dengan pewujudan undang - undang yang relevan, terkini dan selaras dengan keperluan semasa.

Mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

Pada masa ini, SAGC merupakan antara agensi kerajaan yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara meluas dalam melaksanakan tugas seharian. SAGC telah menawarkan portal rasmi yang mempunyai sumber rujukan secara dalam talian yang telah dibangunkan bagi memudahkan urusan kerja para Pegawai Undang - undang. Namun, pangkalan data yang dibangunkan tersebut kesemuanya beroperasi secara berasingan dan tidak bersepadu.

Bagi menangani cabaran ini, infrastruktur ICT yang sedia ada akan dimantapkan bagi mempertingkatkan penggunaannya dalam segala urusan. Program yang dirancang adalah bagi memperkemas dan mengintegrasikan pangkalan data serta rujukan secara dalam talian yang sedia ada bagi memastikan pengurusan maklumat yang lebih sistematik.

Mengukuhkan kepercayaan dan persepsi awam

Tidak dapat dinafikan bahawa kepesatan dalam pembangunan teknologi media massa dan media sosial masa kini mampu mencorakkan pemikiran dan kepercayaan masyarakat dalam sesuatu perkara. Dalam konteks ini, kadangkala pelaporan yang

kurang tepat oleh media massa menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap SAGC dan Kerajaan Negeri Sabah, khususnya berkenaan dengan isu - isu perundangan dan kes - kes yang dikendalikan.

Oleh itu, langkah - langkah dan program yang sesuai telah dirancang bagi membangunkan suatu sistem pelaporan yang bersepadu serta mengadakan tatacara pertanyaan berkenaan isu undang - undang serta fungsi Bahagian Litigasi yang dikendalikan oleh SAGC. Langkah - langkah ini diharapkan dapat memastikan orang awam diberikan maklumat yang tepat bagi mengelakkan persepsi yang negatif terhadap SAGC dan kerajaan secara amnya.

Mengukuhkan sumber modal insan

Bagi mencapai visi SAGC menjadi “Institusi perundangan awam yang profesional dan berintegriti”, sumber modal insan yang cekap, berpengalaman dan kompeten adalah menjadi keutamaan jabatan. Kemahiran yang dimiliki para pegawai adalah penyumbang kepada kecemerlangan SAGC. Namun penempatan para pegawai mengikut kemahiran dan kepakaran masing - masing menjadi kekangan dalam mengendalikan tugas Jabatan.

Bagi menangani cabaran ini, dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik ini, SAGC akan melaksanakan program - program yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pegawai yang bertujuan untuk membentuk suatu kumpulan pegawai yang berkepakaran, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang - bidang khusus. Pewujudan persekitaran kerja yang kondusif serta pemeliharaan kebajikan para pegawai juga akan diberi perhatian yang sewajarnya.

VISI

**“INSTITUSI PERUNDANGAN AWAM YANG
PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI”**

MISI

**“MEMBERI PERKHIDMATAN
PERUNDANGAN YANG BERKUALITI
DENGAN CEKAP DAN AMANAH”**

NILAI BERSAMA

Aspirasi SAGC adalah untuk menjadi sebuah organisasi perundangan negeri yang menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Sabah. Nilai Bersama yang dikongsi oleh semua warga SAGC adalah penting untuk membina sebuah organisasi yang berdaya tahan dan bersepadu bagi memastikan kejayaan sistem penyampaian perkhidmatan.

Nilai Bersama dibuat berdasarkan piagam Rukun Negara yang tersimpul dalam budaya kerja warga SAGC. Nilai tersebut menyerlahkan kemahiran, sikap dan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi setiap anggota SAGC untuk melaksanakan tugas masing - masing.

Nilai Bersama menunjukkan kemampuan warga SAGC untuk menggalas kepercayaan masyarakat bagi menjunjung kedaulatan undang - undang. SAGC komited atas nilai - nilai yang berikut:

Sistematik

Pengurusan yang cekap dan sistematik setiap anggota Jabatan dalam penyampaian perkhidmatan masing - masing.

Amanah

Sifat amanah, jujur, bertanggungjawab, berdaya saing dan berintegriti yang perlu ada pada setiap pegawai SAGC semasa menjalankan tugas.

Gigih

Semua tugas dan tanggungjawab yang digalas oleh pegawai SAGC perlu dilaksanakan dengan gigih dan komited demi kepentingan SAGC, negeri dan negara.

Cemerlang

Gabungan faktor dalaman "Amanah" dan faktor luaran "Gigih" akan membuahkan hasil yang cemerlang.

STRATEGI DAN RUMUSAN TINDAKAN

TERAS UTAMA (1)

“Mendukung Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang bagi Memberikan Perkhidmatan Perundangan yang Berkualiti”

Tanggungjawab mendukung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang - undang merupakan satu tanggungjawab besar dan berterusan. Dalam melaksanakan strategi ini, pemberian nasihat undang-undang hendaklah tepat dan daripada lunas perundangan yang komprehensif serta penggubalan undang-undang yang selaras dengan dasar dan seiring dengan keperluan semasa.

Teras Utama (1)

“Mendukung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang bagi memberikan perkhidmatan perundangan yang berkualiti”

Strategi 1

Memberi nasihat undang-undang yang tepat dan komprehensif

Strategi 2

Menggubal undang-undang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri seiring dengan keperluan semasa

Strategi 3

Menyediakan undang-undang negeri dalam versi terkini

TERAS UTAMA (1)

STRATEGI 1

Memberi nasihat undang-undang yang tepat dan komprehensif

OBJEKTIF

Memastikan nasihat undang-undang yang diberikan adalah berlandaskan pada Perlembagaan Persekutuan dan Negeri, Undang-undang Persekutuan dan Undang-Undang Negeri

Program

Program	Program 1: Menyemak bagi maksud menambah baik proses dan tatacara kerja	Program 2: Menyediakan garis panduan bagi penyediaan dan penyemakan dokumen perjanjian dan memorandum persefahaman
Indikator Sasaran	Bilangan proses dan tatacara kerja yang disemak	Bilangan garis panduan yang dikemas kini
Sasaran	Satu (1) semakan proses dan tatacara kerja setiap dua (2) tahun	Garis Panduan dikemas kini setiap dua (2) tahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Nasihat Guaman	Nasihat Guaman
Bahagian lain yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri • Unit Penguatkuasaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri

TERAS UTAMA (1)

STRATEGI 2

Menggubal undang-undang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri seiring dengan keperluan semasa

OBJEKTIF

Memastikan undang-undang yang digubal selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri serta memenuhi keperluan semasa

Program

Program	Program 1: Menyemak bagi maksud menambah baik proses dan tatacara kerja	Program 2: Menghasilkan dan menyiapkan perundangan yang berkualiti
Indikator Sasaran	Bilangan proses dan tatacara kerja yang disemak	Bilangan perundangan yang siap digubal dalam tahun semasa
Sasaran	Satu (1) semakan proses dan tatacara kerja setiap dua (2) tahun	Perundangan yang diselesaikan dalam tahun semasa
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Gubalan Undang-Undang	Gubalan Undang-Undang
Bahagian lain yang terlibat	-	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Nasihat Guaman • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri • Unit Penguatkuasaan

TERAS UTAMA (1)

STRATEGI 3

Menyediakan undang-undang dalam versi terkini

OBJEKTIF

Memastikan undang-undang dalam versi terkini, mesra pengguna dan mudah diakses

Program

Program	Program 1:	Program 2:	Program 3:
	Menyemak bagi maksud menambah baik proses dan tatacara kerja	Mengemaskini undang-undang	Mewujudkan Enakmen Penyemakan Undang-undang
Indikator Sasaran	Bilangan proses dan tatacara kerja yang disemak	Bilangan perundangan yang telah dicetak semula dan boleh diakses melalui laman sesawang SAGC	Enakmen Penyemakan Undang-Undang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN)
Sasaran	Satu (1) semakan proses dan tatacara kerja setiap dua (2) tahun	Dua (2) cetakan semula undang-undang dalam masa setahun	Mewujudkan Siri Undang-Undang Sabah (<i>Laws of Sabah Series</i>)
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggung-jawab	Gubalan Undang-Undang	Gubalan Undang-Undang	Gubalan Undang-Undang
Bahagian lain yang terlibat	-	Bahagian Pusat Sumber dan Penyelidikan (BPSP)	-

TERAS UTAMA (2)

“Memperkasa Pentadbiran Keadilan dalam Kes-Kes Mahkamah”

Bagi memperkasa pentadbiran keadilan dalam kes-kes Mahkamah, dua (2) strategi telah dikenalpasti dan strategi-strategi ini menitikberatkan pelaksanaan perkhidmatan perundangan berteraskan profesionalisme dan integriti yang tinggi demi keadilan undang-undang.

Teras Utama (2)

“Memperkasa pentadbiran keadilan dalam kes-kes Mahkamah”

Strategi 1

Mengendalikan kes-kes Mahkamah dengan efisien, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi mengambil kira kepentingan awam dan negeri

Strategi 2

Meningkatkan kualiti pengetahuan perundangan di kalangan Pegawai Undang-Undang

TERAS UTAMA (2)

STRATEGI 1

Mengendali kes-kes Mahkamah dengan efisien, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi mengambil kira kepentingan awam dan negeri

OBJEKTIF

1. Memastikan pengendalian litigasi yang pantas, berhemah, adil dan mengikut lunas undang-undang serta keadilan asasi mengambil kira kepentingan awam dan negeri
2. Memastikan orang awam memperoleh maklumat yang tepat bagi mengelakkan persepsi negatif

Program

Program	Program 1:	Program 2:	Program 3:
	Menyediakan garis panduan, arahan guaman, arahan penguatkuasaan dan nota taklimat	Menyediakan tatacara pengendalian aduan, penyelesaian luar mahkamah dan pertanyaan yang berkaitan dengan kes-kes mahkamah	Pendigitalan kes-kes mahkamah sebagai sumber rujukan
Indikator Sasaran	Bilangan garis panduan, arahan guaman, arahan pendakwaan dan nota taklimat yang dikemas kini	Bilangan tatacara yang disediakan	Peratusan pendigitalan fail-fail kes sejak tahun 1980
Sasaran	Garis panduan, arahan guaman, arahan penguatkuasaan dikemas kini setiap dua (2) tahun	Satu (1) tatacara pengendalian dalam tempoh dua (2) tahun	Sekurang-kurangnya 50% pendigitalan fail-fail kes sejak tahun 1980
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Litigasi	Litigasi	Litigasi
Bahagian lain yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Penguatkuasaan • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Penguatkuasaan • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> • Unit Penguatkuasaan • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri • BPSP • Unit ICT

TERAS UTAMA (2)

STRATEGI 2

Meningkatkan kualiti pengetahuan perundangan di kalangan Pegawai Undang-Undang

OBJEKTIF

1. Memastikan Pegawai Undang-undang sentiasa berada di dalam tahap meningkatkan pengetahuan terhadap perkembangan undang-undang semasa
2. Melahirkan pakar-pakar dalam bidang khusus demi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Sabah dan kepentingan awam

Program

Program	Program 1: Mengadakan kursus pendedahan untuk Pegawai Undang-Undang baharu	Program 2: Mengadakan program berimpak tinggi berkaitan bidang pengkhususan kepada Pegawai Undang-Undang
Indikator Sasaran	Bilangan kursus pendedahan yang dirancang	Program yang berterusan dan berimpak tinggi yang dapat memberi kesan kepada kualiti dan profesionalisme Pegawai Undang-Undang
Sasaran	Satu (1) kursus pendedahan dalam tempoh satu (1) tahun	Sekurang-kurangnya satu (1) program perundangan yang berimpak tinggi dalam tempoh lima (5) tahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Litigasi	Litigasi
Bahagian lain yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Nasihat Guaman • Bahagian Gubalan Undang-Undang • Unit Penguatkuasaan • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri • Bahagian Pentadbiran dan Kewangan • Unit ICT 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Nasihat Guaman • Bahagian Gubalan Undang-Undang • Unit Penguatkuasaan • Unit Syariah • Unit Hal Ehwal Anak Negeri • Bahagian Pentadbiran dan Kewangan • Unit ICT

TERAS UTAMA (3)

“Memperkasa Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan serta Bakat untuk Merealisasikan Kecemerlangan Jabatan”

Modal insan yang berpengetahuan, berdaya saing, mempunyai kemahiran serta inovatif merupakan faktor penting dalam tadbir urus jabatan. Untuk memastikan perkhidmatan disampaikan dengan efisien, persekitaran kerja, tempat kerja dan fasiliti kerja hendaklah seiring dengan kemajuan teknologi maklumat bagi menjamin keselesaan setiap anggota jabatan. Pembangunan Modal Insan harus seiring dengan pembangunan bakat untuk meningkatkan prestasi dan mengekalkan kecemerlangan Jabatan.

Teras Utama (3)

“Memperkasa pengurusan dan pembangunan modal insan serta bakat untuk merealisasikan kecemerlangan jabatan”

Strategi 1

Pelaksanaan penstrukturan semula organisasi

Strategi 2

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif

Strategi 3

Melaksanakan pendigitalan sistem dan proses kerja

Strategi 4

Mengurus prestasi dan ganjaran bagi mengiktiraf pekerja berprestasi cemerlang

TERAS UTAMA (3)

STRATEGI 1

Pelaksanaan penstrukturan semula organisasi

OBJEKTIF

Memastikan keperluan guna tenaga anggota jabatan selaras dengan keperluan semasa dan akan datang

Program

Program	Program 1: Membuat kajian perancangan sumber manusia	Program 2: Menyediakan draf carta penstrukturan organisasi
Indikator Sasaran	Bilangan draf kajian yang disediakan	Bilangan draf carta yang disediakan
Sasaran	Satu (1) kajian akhir dikemukakan kepada pengurusan tertinggi	Satu (1) draf carta dikemukakan kepada pengurusan tertinggi
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Pentadbiran dan Kewangan	Pentadbiran dan Kewangan
Bahagian lain yang terlibat	-	-

TERAS UTAMA (3)

STRATEGI 2

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif

OBJEKTIF

Memastikan prasarana dan fasiliti setiap pegawai dan anggota jabatan disediakan

Program

Program	Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam urusan harian dan tugas hakiki
Indikator Sasaran	Mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat dalam penyampaian perkhidmatan
Sasaran	Penurunan peratus aduan daripada pegawai dan anggota berkenaan prasarana dan fasiliti
Tempoh Sasaran	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Pentadbiran dan Kewangan
Bahagian lain yang terlibat	-

TERAS UTAMA (3)

STRATEGI 3

Melaksanakan pendigitalan sistem dan proses kerja

OBJEKTIF

Mengoptimumkan penggunaan ICT dengan lebih efisien dan sistematik

Program

Program	Pelaksanaan pendigitalan dokumen
Indikator Sasaran	Melaksanakan sistem e-surat dan urusan pentadbiran harian secara digital
Sasaran	Sekurang-kurangnya dua (2) e-sistem dapat diwujudkan dalam tempoh lima (5) tahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Pentadbiran dan Kewangan
Bahagian lain yang terlibat	Unit ICT

TERAS UTAMA (3)

STRATEGI 4

Mengurus prestasi dan ganjaran bagi mengiktiraf anggota jabatan berprestasi cemerlang

OBJEKTIF

Meningkatkan jumlah pegawai dan anggota jabatan yang berprestasi cemerlang pada setiap tahun

Program

Program	Pelaksanaan pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Peguam Besar Negeri Sabah dan Anugerah Khas Peguam Besar Negeri Sabah bagi pegawai serta anggota jabatan yang menunjukkan prestasi dan komitmen cemerlang
Indikator Sasaran	Peningkatan pegawai dan anggota jabatan yang menunjukkan prestasi cemerlang
Sasaran	Mengurangkan pegawai dan anggota yang berprestasi rendah
Tempoh Sasaran	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Pentadbiran dan Kewangan
Bahagian lain yang terlibat	-

TERAS UTAMA (4)

“Pusat Sumber dan Penyelidikan sebagai Pusat Sumber Ilmu Bersepadu”

Pusat Sumber dan Penyelidikan akan meningkatkan sistem perkhidmatan secara menyeluruh dan berterusan seiring dengan era transformasi digital agar maklumat dan perkhidmatan dapat dicapai dan disampaikan dengan cepat, tepat, efisien dan berkualiti selaras dengan peranannya sebagai pusat sumber rujukan utama SAGC.

Teras Utama (4)

“Pusat Sumber dan Penyelidikan sebagai pusat sumber ilmu bersepadu”

Strategi 1

Menambahbaik dan mengemaskini sistem pangkalan data di atas talian

Strategi 2

Menyediakan indeks bagi bahan rujukan undang-undang

Strategi 3

Mengaplikasi rangkaian sistem teknologi maklumat

Strategi 4

Menghasilkan buletin SAGC

TERAS UTAMA (4)

STRATEGI 1

Menambahbaik dan mengemaskini sistem pangkalan data di atas talian

OBJEKTIF

Membolehkan bahan-bahan rujukan dan koleksi undang-undang negeri boleh diakses di mana sahaja agar maklumat dapat dicapai tanpa sempadan

Program

Program	Program 1: Pengemaskinian isi kandungan rujukan undang-undang negeri di dalam pangkalan data Sabah LawNet	Program 2: Pengemaskinian pengkatalogan dan indeks bahan rujukan serta koleksi pusat sumber di dalam pangkalan data atas talian (KOHA)	Program 3: Pendigitalan undang-undang lama (<i>Laws of North Borneo</i>) dan surat khabar
Indikator Sasaran	Jumlah rujukan undang-undang Negeri Sabah dalam sistem Sabah LawNet yang dapat dikemas kini	Jumlah butiran bahan rujukan dan koleksi yang dapat diintegrasikan ke dalam sistem KOHA	Jumlah pendigitalan undang-undang lama (<i>Laws of North Borneo</i>) dan surat khabar dapat dilaksanakan
Sasaran	10 - 25 undang-undang negeri dapat dimuat naik dalam tempoh satu (1) tahun ke dalam pangkalan data Sabah LawNet	120 bahan rujukan dan koleksi yang dapat diintegrasikan dalam KOHA dalam tempoh setahun	<ul style="list-style-type: none"> • 3 - 30 pendigitalan bagi undang-undang lama (<i>Laws of North Borneo</i>) dapat dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun • 5 - 50 naskah surat khabar dapat dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	BPSP	BPSP	BPSP
Bahagian lain yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Gubalan Undang-Undang • Unit ICT 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Gubalan Undang-Undang • Unit ICT 	-

TERAS UTAMA (4)

STRATEGI 2

Menyediakan indeks bagi bahan rujukan undang-undang

OBJEKTIF

Memudahkan pencarian bahan rujukan undang-undang

Program

Program	Menyediakan dan mengemaskini indeks bahan rujukan undang-undang
Indikator Sasaran	Bilangan indeks yang dapat dihasilkan dalam tempoh setahun
Sasaran	5 – 10 indeks dihasilkan dalam tempoh setahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	BPSP
Bahagian lain yang terlibat	-

TERAS UTAMA (4)

STRATEGI 3

Mengaplikasi sistem teknologi maklumat

OBJEKTIF

Menaiktaraf sistem keselamatan bahan-bahan rujukan dan koleksi pusat sumber

Program

Program	Pemasangan set sistem automasi secara bersepadu
Indikator Sasaran	Keberkesanan dalam sistem automasi sebagai sistem mesra pengguna dan kebolehan dalam mengesan kecaciran serta kehilangan bahan rujukan dan koleksi di BPSP
Sasaran	Pengurangan dan keselamatan bahan-bahan rujukan serta koleksi yang terdapat di pusat sumber dapat dipantau daripada kecaciran atau kehilangan
Tempoh Sasaran	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	BPSP
Bahagian lain yang terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Nasihat Guaman • Bahagian Litigasi • Bahagian Gubalan Undang-Undang • Bahagian Pentadbiran dan Kewangan • Unit ICT

TERAS UTAMA (4)

STRATEGI 4

Menghasilkan Buletin SAGC

OBJEKTIF

Perkongsian idea dan pengetahuan berkenaan perkembangan semasa, aktiviti-aktiviti Jabatan serta laporan tahunan

Program

Program	Pengumpulan laporan tahunan SAGC untuk dimasukkan di dalam buletin
Indikator Sasaran	Bilangan buletin yang dapat dihasilkan dalam tempoh satu (1) tahun
Sasaran	Satu (1) buletin dihasilkan dalam tempoh setahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	BPSP
Bahagian lain yang terlibat	Semua Bahagian

TERAS UTAMA (5)

“Mengaplikasikan Perkhidmatan Digital Bersepadu dengan Berpandukan kepada Inisiatif Kerajaan Negeri Sabah ke Arah Sistem Digital”

Menjadi sumber rujukan untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sekaligus memantapkan sistem pengurusan maklumat jabatan yang menjadi tunjang kepada kejayaan perkhidmatan digital bersepadu ke arah realistik serta futuristik.

Teras Utama (5)

“Mengaplikasikan perkhidmatan digital bersepadu dengan berpandukan kepada inisiatif Kerajaan Negeri Sabah ke arah Sistem Digital”

Strategi 1

Memperkasa perkhidmatan infrastruktur dan keselamatan siber

Strategi 2

Tadbir urus ICT yang kolaboratif dan dinamik

TERAS UTAMA (5)

STRATEGI 1

Memperkasa perkhidmatan infrastruktur dan keselamatan siber

OBJEKTIF

1. Mengoptimumkan perkongsian sumber ICT
2. Memastikan infrastruktur ICT sedia ada berdasarkan teknologi terkini bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan
3. Meningkatkan keselamatan perkhidmatan ICT bagi meminimumkan risiko

Program

Program	Program 1:	Program 2:	Program 3:
	Mengintegrasikan dan mengemaskini pangkalan data dalam portal rasmi SAGC	Mempertingkatkan kapasiti penggunaan sistem teknologi maklumat di kalangan anggota Jabatan	Pengukuhan keselamatan siber
Indikator Sasaran	Bilangankandungan yang dikemas kini	Bilangan program latihan aplikasi teknologi maklumat yang dianjurkan	Bilangan program latihan keselamatan siber yang akan dianjurkan
Sasaran	Satu (1) pengemaskinian pangkalan data setiap tahun	Satu (1) program latihan dilaksanakan setiap tahun	Satu (1) program latihan dilaksanakan setiap tahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Unit ICT	Unit ICT	Unit ICT
Bahagian lain yang terlibat	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

TERAS UTAMA (5)

STRATEGI 2

Tadbir urus ICT yang kolaboratif dan dinamik

OBJEKTIF

1. Memastikan Teras Utama (5) selari dengan Pelan Strategik SAGC
2. Mengukuhkan tadbir urus ICT secara holistik
3. Merancang, melaksana dan memastikan tadbir urus ICT mengikut peraturan semasa
4. Menghasilkan pengurusan ICT yang cekap ke arah pemantapan dan kecemerlangan sistem penyampaian SAGC

Program

Program	Program 1:	Program 2:	Program 3:
	Membangunkan sistem pengurusan secara elektronik sebagai langkah ke arah Sabah Digital	Mewujudkan tatacara proses kerja tadbir urus ICT	Menyusun semula struktur dan peranan jawatankuasa bagi tadbir urus ICT
Indikator Sasaran	Mewujudkan sistem pengurusan secara digital bagi mencapai inisiatif ke arah Sabah Digital	Bilangan tatacara proses kerja tadbir urus ICT	Memperkasakan dan mengukuh tadbir urus ICT dan mengoptimumkan sumber dalam organisasi
Sasaran	Dua (2) sistem dibangunkan	Satu (1) tatacara proses kerja tadbir urus ICT	Pengemaskinian senarai dan peranan ahli jawatankuasa setiap dua (2) tahun
Tempoh Sasaran	2022 - 2026	2022 - 2026	2022 - 2026
Bahagian Bertanggungjawab	Unit ICT	Unit ICT	Unit ICT
Bahagian lain yang terlibat	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan





PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN

MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Strategik SAGC 2022 hingga 2026 ini adalah merupakan pelan bagi tempoh lima tahun yang akan membawa perkembangan SAGC ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan Pelan Strategik ini dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan, strategi dan pelan tindakan akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut perancangan seperti Jadual di bawah:

Bil.	PERKARA	SARANAN
1	Pelaporan Pelaksanaan Program oleh Pegawai Penyelaras Bahagian	Sekali setahun - Ogos
2	Semakan dan Penilaian Laporan Pelaksanaan Peringkat Ketua Teras (Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik)	Sekali setahun - Januari
3	Pembentangan Laporan Pelaksanaan dan Penilaian dalam Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik oleh Setiap Ketua Teras (dipengerusikan oleh Peguam Besar Negeri)	Sekali setahun - Mac
4	Kajian Semula, Penilaian dan Penambahbaikan Pelan Keseluruhan	Tahun 2024

MENCAPAI HALA TUJU JABATAN

Pelaksanaan Pelan Strategik SAGC 2022 - 2026 akan menentukan Hala Tuju strategik Jabatan dapat dicapai berdasarkan komitmen semua pihak. Bersesuaian dengan visi, misi dan matlamat perancangan strategik yang ditetapkan, SAGC akan berupaya untuk menjadi sebuah organisasi perundangan yang menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Sabah.

Dalam memastikan kejayaan SAGC, usaha memantapkan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan perlu seiring dengan keperluan semasa. Melalui perancangan dan penambahbaikan program, anggota Jabatan perlu memikul peranan yang telah ditetapkan serta mengorak langkah untuk bersama-sama melonjakkan prestasi ke tahap yang lebih baik. Kerjasama serta persefahaman dengan pelbagai pihak yang berkepentingan perlu terus dipertingkatkan supaya fungsi Jabatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan efisien.

JAWATANKUASA PEMANDU PELAN STRATEGIK SAGC 2022 - 2026



Dari Kiri : Ali Khuraysha Alisia, Chee Chun Yen, Jennifer Alik, Cathrene Adus, Mohd Ikhwan bin Ramlan, Khairi bin Abd Kadir, Mohd Saifurraze bin Mohamed @ Hussin dan Dulce Milus Majawit

Tengah : Dgku Fazidah Hatun Pg Bagul (TPBN), Waravia bt Badri, Datuk Nor Asiah bt Mohd Yusof (PBN) dan Suzumaidah Haji Hussain

Tidak ada dalam gambar : Siti Hafsah binti Adenan, Libamin Spait dan Hartini Teting



**SESI PELAKSANAAN PERANCANGAN DRAF PELAN STRATEGIK JABATAN
PEGUAM BESAR NEGERI SABAH (SAGC)
2022 - 2026**



**SESI PEMANTAPAN PERANCANGAN DRAF PELAN STRATEGIK
JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH (SAGC)
2022 - 2026**



**SESI RUMUSAN DAN PEMURNIAN DRAF PELAN STRATEGIK
JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH (SAGC)
2022 - 2026**

PENUTUP

Pelan Strategik SAGC 2022 - 2026 telah menetapkan matlamat strategik melalui teras, strategi dan program yang akan berakhir pada tahun 2026. Perancangan yang teliti telah digariskan dengan berpandukan kepada Hala Tuju Jabatan dan dasar semasa. Cabaran terkini yang dihadapi oleh SAGC serta elemen penentu kejayaan ke atas pelan ini turut dikenal pasti bagi menghasilkan satu perancangan yang mampan dan dinamik serta kekal relevan dengan perubahan semasa. Selain itu penambahbaikan berterusan ke atas mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian program turut diberi penekanan supaya sasaran program dapat dicapai dengan sempurna serta berkesan.



DICETAK OLEH PEMANGKU PENCETAK KERAJAAN,
ROLAND FRED PHAN, A.S.D.K., A.D.K., B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2021.

Catatan